

Isi tempat kosong berpandukan jawapan yang diberi.



Rujukan Buku Teks
Unit 8; m.s. 151

meniup


kalis air

botol plastik

menguatkan

belon

terapung



1. Aqil mencipta sebuah bot dengan menggunakan bahan-bahan seperti dua _____, gunting, gelang getah, selotep, penyedut minuman dan sebiji _____.
2. Aqil menggunakan botol plastik kerana botol tersebut adalah _____.
3. Aqil mengikat kedua-dua botol plastik dengan menggunakan gelang getah untuk _____ gabungan botol-botol tersebut.
4. Sebelum melepaskan bot ciptaan Aqil ke dalam air, Aqil _____ belon terlebih dahulu dengan menggunakan penyedut minuman yang terletak di antara dua botol plastik tersebut. Hal ini adalah untuk menjadikan bot tersebut _____ dan boleh bergerak dengan baik dalam air.

Gariskan jawapan yang betul.



Rujukan Buku Teks
Unit 8: m.s. 152 – 153

1.


Cermin
hadapan



Cermin hadapan kereta diperbuat daripada bahan yang membenarkan (semua , sebahagian) cahaya menembusnya supaya semua pemandu dapat melihat dengan jelas ketika memandu.

2.

Pemegang



Aina boleh memegang pemegang kuali ketika sedang memasak kerana pemegang kuali diperbuat daripada (plastik , logam). Pemegang kuali merupakan bahan yang (mengalirkan , tidak mengalirkan) haba.

Bahagian bawah kuali diperbuat daripada (batuan , logam). Oleh sebab itu, masakan yang dimasak oleh Aina lebih cepat masak kerana bahan tersebut (boleh , tidak boleh) mengalirkan haba.

Bulatkan jawapan yang betul.




Rujukan Buku Teks
Unit 8; m.s. 141 – 154

1. Rajah di bawah menunjukkan satu objek.



Apakah sumber asas bagi objek dalam rajah di atas?


- A Haiwan
 - B Batuan
 - C Petroleum
 - D Tumbuh-tumbuhan
2. Rajah di bawah menunjukkan seekor lembu.



Antara objek berikut, yang manakah dapat dihasilkan daripada sumber asas dalam rajah di atas?

- A Tayar
- B Sofa kulit
- C Kain sutera
- D Kerusi kayu


3. Rajah di bawah menunjukkan satu litar elektrik.



Antara objek berikut, yang manakah akan menyalakan mentol apabila disambungkan di S dan T?

- A Lidi
- B Paku
- C Pensel
- D Pemadam

4. Rajah di bawah menunjukkan sebuah cerek.



Mengapakah bahagian pada cerek itu diperbuat daripada logam?

- A Logam adalah murah
- B Logam mudah didapati
- C Logam merupakan penebat haba yang baik
- D Logam merupakan konduktor haba yang baik